



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 6 NOVEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	KPKM TUMPU BANGUNKAN SEMULA TANAH SAWAH TERBIAR DI 3 NEGERI, NASIONAL, BH -15 KPKM BANGUN SEMULA SAWAH TERBIAR DI NEGERI SEMBILAN, JOHOR DAN MELAKA, HM -ONLINE ISU NAFAS: KPKM JAMIN BERI KERJASAMA BANTU SIASATAN SPRM, BH -ONLINE MAFS TO REDEVELOP IDLE PADDY FIELDS TO BOOST COUNTRY'S RICE SSR -MOHAMAD, BERNAMA -ONLINE KENAIKAN HARGA LANTAI PADI SELARAS PENINGKATAN KOS PESAWAH, BH -ONLINE MOVE TO ASSIST PADI FARMERS IN THREE STATES, NATIONAL, THE SUN -4	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
7.	JABATAN PERTANIAN SARAWAK LANCAR BUKU PANDUAN BAHARU, TVS -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	MAQIS RAMPAS 150kg JAMBU AIR THAILAND, BH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11. 12.	SUMBAT 'OYEN' DALAM JARING, AMPANG, SH -26 LELAKI BAWA 13 LEMBU SELUDUP DICEKUP, PASIR MAS, SH -26 EMPAT STRATEGI HADAPI CUACA EKSTREM, DALAM NEGERI, UM -8 MALAYSIA BAKAL BERDEPAN KRISIS KETERJAMINAN MAKANAN, DALAM NEGERI, UM -8	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

KPKM tumpu bangunkan semula tanah sawah terbiar di 3 negeri

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menumpukan usaha membangunkan semula tanah sawah terbiar di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berharap dengan mengusahakan kembali sawah terbiar itu akan meningkatkan lagi Tahap Sara Diri Beras Negara (SSR) yang ketika ini hanya pada 56.2 peratus yang mana lebih 40 peratus beras masih perlu diimport dapat dipertingkatkan dalam tempoh lima hingga sepuluh tahun akan datang.

"Kawasan sawah itu akan di majukan dengan sokongan kerajaan dan kerajaan negeri, sama ada secara syarikat atau dalam bentuk berkelompok," katanya ketika merasmikan Majlis Konvokesyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) 2024, di sini semalam.

Ditanya faktor menyebabkan sawah terbiar, Mohamad berkata, ia disebabkan generasi muda berhijrah ke bandar dan tidak mahu mewarisi pekerjaan turun-temurun, selain perubahan iklim yang tidak menentu serta lebih 20,000 hektar tanah sawah dijadikan kawasan perumahan.

Selain itu, beliau menegaskan pihaknya tidak campur tangan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Beliau berkata, kementerian memberikan kerjasama dan pertolongan yang diperlukan agensi itu.

"Saya harap semua tidak perlu bimbang dengan operasi NAFAS pada waktu penggantungan ini kerana ia akan diuruskan oleh barisan pentadbir yang mahir dalam tugas mereka," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	HARIAN METRO	ONLINE	

KPKM bangun semula sawah terbiar di Negeri Sembilan, Johor dan Melaka



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika menyampaikan ucapan pada Konvesyen Kebangsaan Kumpuln Pengguna Air (KPA) Tahun 2024 di Vivatel Hotel , Kuala Lumpur. FOTO NABILA ADLINA AZAHARI

Kuala Lumpur: Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan menumpukan usaha membangunkan semula tanah sawah terbiar

untuk penanaman padi sekali gus meningkatkan Tahap Sara Diri Beras Negara (SSR).

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, berkata antara negeri yang dikenal pasti mempunyai kawasan sawah terbiar ialah Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

"Kita harap dengan mengusahakan kembali sawah terbiar usaha ini akan meningkatkan SSR yang ketika ini hanya pada 56.2 peratus yang mana lebih 40 peratus beras masih perlu diimport dapat dipertingkatkan dalam masa lima ke 10 tahun akan datang.

"Kawasan sawah itu akan dimajukan dengan sokongan kerajaan dan kerajaan negeri sama ada secara syarikat atau dalam bentuk berkelompok," katanya ketika merasmikan Majlis Konvokesyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) 2024 di Vivatel Hotel, hari ini.

Ditanya faktor yang mendorong sawah terbiar, Mohamad berkata, ia disebabkan generasi muda berhijrah ke bandar dan tidak mahu mewarisi pekerjaan turun-temurun selain perubahan iklim yang tidak menentu serta lebih 20,000 hektar tanah sawah dijadikan kawasan perumahan.

Dalam pada itu, Mohamad sekali lagi menegaskan KPKM tidak akan masuk campur dalam urusan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas).

Beliau berkata, KPKM akan memberikan kerjasama yang penuh dan pertolongan yang diperlukan agensi itu.

"Saya harap semua tidak perlu bimbang dengan operasi Nafas pada waktu penggantungan ini kerana ianya akan diuruskan oleh barisan pentadbir yang mahir dalam tugas mereka.

"Justeru, saya menggesa semua supaya sama-sama memastikan Nafas bersih daripada penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa.

"Kita tidak mahu lagi amalan sakau terus berleluasa dalam mana-mana agensi atau badan di bawah pentadbiran KPKM ini dan kita mahu Nafas pada masa akan datang menjadi sebuah pertubuhan yang benar-benar memberikan kesejahteraan

dan kemakmuran kepada lebih 600,000 ahlinya," katanya.

Pada 29 Oktober lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan pihaknya memulakan siasatan dan pembongkaran berhubung penyelewengan dan ketirisan projek pembekalan baja padi sebuah pertubuhan di bawah kementerian terbabit.

Susulan itu, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Amir Matamin pada 1 November lalu dilaporkan berkata, Perlembagaan Nafas digantung berkuat kuasa hari sama bagi menambah baik tatakelola dan tadbir urus pertubuhan itu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Isu NAFAS: KPKM jamin beri kerjasama bantu siasatan SPRM



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu ketika menyampaikan ucapan perasmian Konvesyen Kebangsaan Kumpuln Pengguna Air (KPA) Tahun 2024 di Vivatel Hotel Kuala Lumpur, hari ini. - Foto NSTP/Nabila Adlina Azahari

KUALA LUMPUR: Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad

Sabu berkata pihaknya akan memberikan kerjasama penuh terhadap siasatan ke atas Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Dalam masa sama, beliau juga menegaskan kementerianya tidak akan masuk campur dalam urusan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) itu.

"Kita tidak mahu lagi amalan menyakau terus berleluasa dalam mana-mana agensi atau badan di bawah pentadbiran kementerian.

"Kita mahu NAFAS pada masa akan datang menjadi sebuah pertubuhan yang benar-benar memberikan kesejahteraan dan kemakmuran kepada lebih 600,000 ahlinya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Konvokesyen Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air (KPA) 2024 di Vivatel Hotel, di sini, hari ini.

Pada 29 Oktober lalu, Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Azam Baki mengesahkan pihaknya memulakan siasatan dan pembongkaran berhubung penyelewengan dan ketirisan projek pembekalan baja padi sebuah pertubuhan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Dan pada 1 Oktober lalu, Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Amir Matamin mengumumkan penggantungan Perlembagaan NAFAS berkuat kuasa hari sama bagi menambah baik tatakelola dan tadbir urus pertubuhan itu.

Mengulas lanjut, Mohamad berharap semua pihak terbabit tidak bimbang dengan operasi NAFAS sepanjang tempoh penggantungan kerana ianya kini diuruskan oleh pentadbir yang mahir.

"Justeru, saya menggesa supaya semua sama-sama memastikan NAFAS bersih daripada penyalahgunaan dan penyelewengan kuasa," katanya.



GENERAL > NEWS

MAFS To Redevelop Idle Paddy Fields To Boost Country's Rice SSR – Mohamad

🕒 05/11/2024 05:57 PM



KUALA LUMPUR, Nov 5 (Bernama) -- The Ministry of Agriculture and Food Security (MAFS) is focusing on the redevelopment of idle paddy fields, to enhance the national rice self-sufficiency ratio (SSR).

Its Minister, Datuk Seri Mohamad Sabu, said that the ministry has identified several areas of idle rice fields in Negeri Sembilan, Melaka, and Johor, for this initiative.

"According to last year's statistics, the SSR reached only 56.2 per cent, necessitating continued rice imports. We must consider what would happen if, one day, other countries cease their rice exports.



"In light of the current geopolitical tensions and unpredictable weather patterns, the potential for export restrictions cannot be dismissed," he said during the National Water Consumers Group (KPA) Convention today.

He further noted that one of the reasons for the significant number of idle paddy fields is the migration of rural residents and the declining interest among the younger generation in paddy cultivation.

Meanwhile, Mohamad reiterated that MAFS will not interfere in the Malaysian Anti-Corruption Commission's (MACC) investigation of the National Farmers' Organisation (Nafas).



He emphasised that the ministry will provide full cooperation and any necessary assistance required by the MACC during this investigation.

"I want to assure everyone that there is no need to worry about Nafas operations during this suspension. The organisation will continue to be managed by a team of skilled administrators," he said.

On Oct 29, MACC chief commissioner Tan Sri Azam Baki confirmed that the agency had launched an investigation into irregularities and leaks, related to the paddy fertiliser supply project of an agency under the ministry.

Following this, on Nov 1, Amir Matamin, the director-general of the Farmers' Organisation Authority (LPP), announced that the Nafas constitution had been suspended, effective immediately, to enhance the organisation's governance and management.

-- BERNAMA

BERNAMA provides up-to-date authentic and comprehensive news and information which are disseminated via BERNAMA Wires; www.bernama.com; BERNAMA TV on Astro 502, unifi TV 631 and MYTV 121 channels and BERNAMA Radio on FM93.9 (Klang Valley), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) and FM100.9 (Kuching) frequencies.

Follow us on social media :

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

Kenaikkan harga lantai padi selaras peningkatan kos pesawah



Dr Azman (kiri) melawat pameran pelbagai jenis racun selepas merasmikan Seminar Industri Padi 2024 hari ini. - Foto NSTP/BAHAROM BAKAR

KUALA TERENGGANU: Kenaikan harga lantai padi antara RM1,500 hingga RM1,800 bagi setiap satu metrik tan seperti dicadangkan kerajaan negeri adalah selaras dengan peningkatan kos pesawah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi

negeri, Dr Azman Ibrahim, berkata pesawah terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi untuk mengusahakan tanaman padi berikutan peningkatan selepas pelaksanaan penyasaran subsidi diesel.

Katanya, pesawah terpaksa mengeluarkan kos lebih tinggi termasuk perbelanjaan penyewaan jentera untuk pembajakan, meratakan sawah, menuai padi dan tambang lori.

"Bagi meringankan beban kos pesawah yang semakin meningkat, kita mencadangkan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) mempertimbangkan kenaikan harga lantai padi antara RM1,500 hingga RM1,800 bagi setiap satu metrik tan, berbanding RM1,300 metrik tan.

"Cadangan ini sekurang-kurangnya dapat membantu pesawah mendapatkan pulangan yang lebih setimpal," katanya ketika ditemui di pejabatnya hari ini.

Dr Azman yang juga Ahli Dewan Undangan negeri (ADUN) Jabi, berkata cadangan supaya harga lantai padi dinaikkan hasil sesi dialog antara pesawah dan kerajaan negeri.

Katanya, Terengganu mempunyai kawasan penanaman padi seluas kira-kira 11,000 hektar diusahakan 6,000 pesawah dan mampu mengeluarkan sebanyak 56,000 metrik tan semusim.

"Jika kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk menaikkan harga lantai padi, harga kawalan beras tempatan seperti ditetapkan iaitu RM2.60 sekilogram (kg) sudah tidak praktikal.

"Hasil tinjauan mendapati rakyat boleh menerima jika berlaku sedikit kenaikan harga beras tempatan sekitar RM3kg," katanya.

Dr Azman berkata, kenaikan kawalan harga beras tempatan pada kadar itu dianggap lebih baik jika dibandingkan beras tempatan yang dilabelkan sebagai beras import.

"Beras tempatan yang dilabelkan sebagai beras import ditetapkan kerajaan antara RM3.50 dan RM3.80kg," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	THE SUN	NATIONAL	4

Move to assist *padi* farmers in three states

JASIN: The Agriculture and Food Security Ministry is considering establishing a Southern Integrated Agricultural Development Area (IADA) to better support *padi* farmers in Malacca, Negeri Sembilan and Johor.

Its minister, Datuk Seri Mohamad Sabu, said the Southern IADA would enhance water management and organise *padi* cultivation across the three states, improving conditions for local farmers.

"Most *padi* farmers in the region still rely on rainfall for irrigation, due to incomplete infrastructure. This area lacks a designated IADA to assist them, as it lies outside the traditional rice bowl regions," he said at the announcement of the new Mardi MR 326 rice variety in Kampung Sempang here.

Mohamad added that the ministry is seeking extra government funds to enhance drainage infrastructure in areas beyond the main rice-growing regions.

"Developing efficient drainage systems in areas outside the designated rice-bowl regions is crucial for preparing the country to confront the increasing threats posed by climate change.

"We have also engaged in multiple discussions with the Sabah and Sarawak governments about the possibility of establishing new rice-bowl areas in the states," he added. – Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	TVS	ONLINE	

Jabatan Pertanian Sarawak lancar buku panduan baharu



KUCHING, 5 Nov: Pelancaran buku baharu oleh Jabatan Pertanian Sarawak hari ini, iaitu Garis Panduan Permohonan Pengimportan Tumbuhan, Produk Tumbuhan dan Artikel Terkawal bertujuan memastikan perdagangan pertanian di wilayah ini kekal selamat dan dapat dipatuhi.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Dato Sri Dr Stephen Rundi Utom berkata, garis panduan berkenaan adalah untuk menambah baik piawaian perdagangan pertanian negeri bagi permintaan hasil import, selain menjaga keselamatan biosekuriti makanan.

“Buku panduan ini bukan sahaja bertujuan untuk membantu para pengimport dan badan kawal selia tetapi juga dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan orang ramai.

“Ia menawarkan panduan yang praktikal dalam mematuhi Akta Kuarantin Tumbuhan yang mana ia penting untuk mempertahankan sumber ekosistem pertanian dan semula jadi terhadap ancaman serangga perosak dan penyakit pada tumbuhan,” katanya.

Beliau berkata demikian melalui teks ucapan yang dibacakan Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Datuk Dr Abdul Rahman Ismail pada Majlis Perasmian Program Libat Urus Fasilitasi Perdagangan Pertanian 2024 di sini, hari ini.

Mengulas lanjut, jelas Rundi, objektif penerbitan buku tersebut juga adalah untuk memupuk kesedaran pihak berkaitan dan menggalakkan pematuhan ketat terhadap undang-undang kuarantin berkenaan tumbuhan.

“Dengan mematuhi garis panduan ini, kita boleh mencegah risiko biosekuriti, menggalakkan amalan perdagangan yang selamat dan akhirnya menyumbang kepada pertumbuhan serta kemampanan sektor pertanian Sarawak,” ujarnya.

Sehubungan itu, Rundi berkata, beliau berharap buku panduan tersebut turut akan membantu semua pihak berkepentingan bukan sahaja melibatkan keperluan peraturan tetapi juga menerima pakai amalan terbaik dalam melindungi dan mengekalkan persekitaran pertanian di wilayah ini. – TVS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	BERITA HARIAN	ONLINE	

MAQIS rampas 150kg jambu air Thailand



Jambu air dari Thailand yang dirampas MAQIS di pintu sempadan Kota Putra Durian Burung, khamis lalu. - Foto NSTP/Ihsan MAQIS

KUALA NERANG: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kedah menggagalkan cubaan membawa masuk 150 kilogram (kg) jambu air Thailand tanpa permit import sah.

Pengarahnya, Hisham Abu Bakar, berkata jambu itu dirampas selepas menahan lori dari Thailand itu di pintu masuk sempadan di Kota Putra Durian Burung pada jam 5.30 petang, Khamis lalu.

"Ini adalah kesalahan serius kerana perbuatan mengimport tanpa permit sah adalah kesalahan mengikut Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, pengimport boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali bawah Seksyen 11(3) akta sama," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, kesemua barang rampasan kini ditahan untuk siasatan serta tindakan susulan.

"MAQIS sentiasa melakukan pemeriksaan di pintu masuk sempadan bagi memantau keluaran produk pertanian yang diimport ke negara ini supaya pengimport mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan.

"Langkah itu diambil bagi memastikan kawalan penyakit serta jaminan keselamatan makanan terpelihara," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2024	SINAR HARIAN	AMPANG/ PASIR MAS	26

Polis sudah buka kertas siasatan terhadap warga emas aniaya kucing

Oleh AHMAD ISMAIL ISMAIL
AMPANG

Polis mengesahkan sudah membuka kertas siasatan berhubung seorang lelaki dikesan melakukan penganiayaan terhadap seekor kucing sehingga tular di media sosial.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kejadian itu daripada seorang wanita warga Indonesia berusia 26 tahun selepas terdengar bunyi bising suara kucing di luar rumahnya pada 10 pagi, Jumaat lalu.

"Wanita ini melihat seorang lelaki berusia 60-an yang juga jirannya sedang memasukkan kucing ke dalam jaring besar sebelum mengheretnya dari aras rumahnya ke tempat haiwan dilepaskan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Mohd Azam berkata, wanita dan suaminya yang terkejut dengan tindakan itu kemudian turun dan mengikuti lelaki berkenaan.

"Beberapa penduduk juga

Sumbat 'oyen' dalam jaring



Video tular memaparkan seorang lelaki disyaki menganiaya kucing di sebuah flat di Ampang.

cula menasihatkan lelaki ini supaya melepaskan semula kucing dalam jaring berkenaan.

"Lelaki terbabit berbuat demikian kerana kucing ini selalu membuang najis di hadapan rumahnya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini sedang menjalankan tindakan lanjut termasuk mengesan dan mengambil keterangan individu terbabit.

Lelaki bawa 13 lembu seludup dicekup

PASIR MAS - Seorang lelaki ditahan selepas didapati membawa lembu seludup dari negara jiran dalam Operasi Taring Wawasan di Kampung Macang Gacoh Meranti, di sini, pada Isnin.

Komander Briged Tenggara PGA, Senior Asisten Komisioner Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, dalam kejadian jam 2 pagi, sepasukan anggota Batalion 7 Pasukan Gerakan Am (PGA) Kuantan menahan sebuah Lori jenis Isuzu dipandu dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan menemui 13 lembu dengan anggaran berat lebih 11,700

kilogram tanpa dokumen sah dipercayai dibawa masuk dari Thailand.

"Suspek lelaki berusia 25 tahun dipercayai menjadi penghantar untuk dijual ke pasaran tempatan ditahan untuk siasatan," katanya pada Selasa.

Menurut Nik Ros Azhan, nilai rampasan keseluruhan dianggarkan berjumlah RM175,500 dan kes disiasat mengikut Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Ujarnya, suspek bersama barangan rampasan dibawa ke Kompeni Taktikal (Kontak) PGA Jeram Perdah untuk tindakan lanjut.



Cubatan menghantar 13 lembu dari Thailand tidak berhasil apabila dipatahkan Batalion 7 PGA Kuantan.

Empat strategi hadapi cuaca ekstrem

Oleh MOHD. HAFIZ

ABD. MUTALIB

hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Beberapa strategi perlu diatur dalam mendepani cuaca ekstrem dijangka tahun depan yang semakin memberi kesan ketara di Malaysia sekali gus memastikan negara mampu menyesuaikan diri serta mengurangkan impak negatif terhadap rakyat dan ekonomi akibat ancaman berkenaan.

Dalam mendepani cabaran tersebut, beberapa langkah digariskan seperti pelaburan dalam infrastruktur hijau, penggunaan teknologi pertanian cekap air dan tahan lasak, dasar mitigasi perubahan iklim dan pembangunan sistem amaran awal.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Awam, Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Prof. Madya Dr. Norazian Mohamed Noor berkata, dalam soal pelaburan dalam infrastruktur hijau ia cukup penting untuk menghadapi fenomena cuaca ekstrem seperti kemarau dan banjir.

Katanya, di Malaysia, pembinaan sistem pengurusan air yang lebih baik termasuk empangan dan tebatan banjir dapat membantu mengawal air semasa musim kemarau dan melindungi kawasan rendah daripada banjir.

"Contohnya, projek pembangunan tebatan banjir di Sungai Kelantan dan Pahang yang dilaksanakan oleh kerajaan bertujuan mengurangkan risiko banjir besar seperti yang berlaku pada 2014 dan 2021 di Pantai Timur."

"Negara-negara seperti Belanda juga telah melabur besar dalam infrastruktur pengurusan



SEORANG pesawah mengusahakan tanaman padi di Berseri, Padang Besar, Perlis. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

air terutamanya dengan pembinaan sistem empangan dan benteng yang canggih bagi mengelakkan banjir laut. Malaysia boleh belajar daripada pengalaman ini untuk memperkuat kawalan banjir di bandar-bandar pesisir dan kawasan rendah yang terdedah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Malaysia diramal berdepan perubahan cuaca melampau atau cuaca ekstrem seperti hujan lebat luar biasa dan kemarau panjang bermula tahun depan.

Bagaimanapun, Malaysia dilihat masih belum bersedia sepenuhnya untuk menghadapi situasi mencabar sedemikian.

Kata Norazian lagi, langkah kedua melibatkan penggunaan

“Malaysia diramal berdepan perubahan cuaca melampau atau cuaca ekstrem seperti hujan lebat luar biasa dan kemarau panjang bermula tahun depan.”

DR. NORAZIAN MOHAMED NOOR

teknologi pertanian cekap air dan tahan lasak dengan kerajaan perlu melabur dalam teknologi berkenaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Ujarnya, sebagai contoh, teknologi irigasi titisan yang lebih cekap dapat mengurangkan penggunaan air dalam penanaman padi dan sayuran dengan pertanian hidroponik dan aquaponik juga semakin menjadi pilihan kerana tidak memerlukan tanah yang luas dan kurang bergantung kepada faktor cuaca.

"Di Israel antaranya yang terkenal dengan iklim kering dan tanah yang gersang, teknologi pengairan mikro dan sistem penangkapan air hujan telah berjaya meningkatkan hasil pertanian walaupun ne-

gara itu mengalami kemarau teruk. Malaysia boleh menerapkan teknologi seumpama ini bagi membantu petani tempatan mengharungi cabaran kemarau," katanya.

Katanya lagi, kerajaan juga perlu memperkenalkan dan mengukuhkan dasar mitigasi perubahan iklim untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau yang menjadi penyumbang utama kepada pemanasan global.

Ujarnya, Malaysia telah menetapkan sasaran untuk mencapai neutraliti karbon menjelang 2050 namun usaha yang lebih tegas diperlukan, termasuk mengurangkan ketergantungan kepada bahan api fosil dan menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui seperti solar dan hidro.

"Negara seperti Denmark dan Jerman telah berjaya meningkatkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dengan ketara yang boleh dijadikan contoh bagi Malaysia."

"Selain itu, kerajaan juga perlu memperkenalkan dasar yang menggalakkan kecekapan tenaga dalam sektor perindustrian dan pengangkutan serta mempromosi penghijauan bandar dengan memperbanyakkan tanaman hijau yang dapat menyerap karbon dioksida," katanya.

Seterusnya beliau berkata, pelaksanaan pembangunan sistem amaran awal yang lebih cekap bagi memberi peringatan atau amaran kepada rakyat dan mengurangkan risiko kerosakan serta kehilangan nyawa.

Katanya, sistem tersebut penting bagi kawasan yang sering dilanda banjir seperti di Pantai Timur dan Lembah Klang.

Malaysia bakal berdepan krisis keterjaminan makanan

KANGAR: Perubahan cuaca melampau atau cuaca ekstrem kemarau dan hujan lebat luar biasa yang diramal bermula tahun depan bakal memberi impak besar khususnya dalam soal keterjaminan makanan di Malaysia seterusnya terpaksa bergantung kepada import.

Malaysia kini bergantung kepada import beras khususnya lebih daripada 30 peratus untuk keperluan domestik selain sebahagian besar makanan seperti gandum, jagung dan daging lembu juga diimport dari luar negara.

Pensyarah Fakulti Kejuruteraan dan Teknologi Awam, Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Prof. Madya Dr. Norazian Mo-



DR. NORAZIAN MOHAMED NOOR

hamed Noor berkata, cuaca ekstrem seperti kemarau dan hujan lebat itu bakal menjejaskan pengeluaran tempatan sehingga

menyebabkan negara lebih bergantung kepada import untuk memenuhi keperluan rakyat.

Katanya, ekoran itu juga, ketidakstabilan harga di pasaran global bakal menyebabkan harga makanan import melambung tinggi sekali gus meningkatkan kos sara hidup rakyat.

Ujar beliau, krisis keterjaminan makanan global yang dicituskan oleh perubahan cuaca itu termasuk ketika konflik geopolitik seperti yang dilihat dalam krisis gandum global akibat perang Russia-Ukraine pada 2022 telah memperlihatkan risiko yang Malaysia hadapi jika terlalu bergantung kepada import makanan.

"Kemarau berpanjangan per-

nah berlaku pada 2016 di mana Kedah yang merupakan kawasan penanaman padi utama di Malaysia pernah mengalami penurunan ketara dalam hasil pengeluaran padi kerana kekurangan air pengairan yang diperlukan untuk sawah."

"Selain itu, banjir ekstrem seperti yang melanda Pantai Timur pada 2021 juga telah memusnahkan kawasan pertanian dan ladang ternakan sehingga mengurangkan pengeluaran domestik. Contohnya, kawasan penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan di Cameron Highlands dan Lembah Klang mengalami kerosakan akibat banjir besar itu yang membawa kepada kekurangan bekalan ma-

kan segar dan kenaikan harga di pasaran.

"Malah, ladang ternakan ayam dan ikan juga terjejas teruk menyebabkan penurunan pengeluaran daging ayam dan ikan iaitu dua sumber protein utama bagi rakyat Malaysia."

"Impak ini tidak hanya terhad kepada pengeluaran makanan domestik tetapi juga kepada keselamatan makanan rakyat. Apabila bekalan makanan berkurangan harga makanan akan meningkat dengan mendadak seperti yang berlaku pada tahun 2022 apabila harga bahan makanan seperti minyak masak, sayur-sayuran, dan telur naik," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.